

Dr Mahathir kekal jawatan

BH - 27/11/2020 m/s: 13

Muhyiddin,
Mukhriz,
Dr Sahrudin
turut menang
tanpa bertanding

Oleh Mohamed Farid Noh dan
Siti Nur Mas Erah Amran
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Tun Dr Mahathir Mohamad mengekalkan jawatan Ketua Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) Bahagian Langkawi tanpa bertanding.

Setiausaha Badan Pimpinan BERSATU Kedah, Datuk A Aziz Mahamod, berkata Ketua Bahagian Jerlun, Datuk Seri Mukhriz Mahathir turut berjaya mengekalkan jawatannya selepas tiada ahli lain yang menghantar pencalonan bagi jawatan berkenaan.

“Secara keseluruhannya, terdapat 15 bahagian di Kedah dan daripada jumlah terbabit, lima bahagian yang tidak dicabar ialah di Langkawi, Jerlun, Alor Setar, Pendang dan Kulim.

“Bagaimanapun, wujudnya persaingan di bahagian lain membabitkan pertembungan antara dua sehingga lima kerusi.

“Enam bahagian mencatatkan saingan satu lawan satu dan paling menarik sekali apabila Timbalan Menteri Kewangan, Datuk



Muhyiddin Yassin

Amiruddin Hamzah dicabar oleh bekas Setiausaha BERSATU Kubang Pasu, Mohd Nasir Jamaludin bagi jawatan Ketua Bahagian Kubang Pasu,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata pemilihan di bahagian Merbok dijangka sengit dengan pertembungan lima penjuror apabila Ketua Bahagian Merbok, Mejar (B) Anuar Abdul Hamid bakal berdepan dengan empat calon lain.

Di **Johor Bahru**, Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yassin, mengekalkan jawatan Ketua Bahagian BERSATU Pagoh apabila tidak dicabar sehingga pencalonan ditutup petang semalam.

Menteri Besar Johor, Datuk Dr Sahrudin Jamal juga menang tanpa bertanding jawatan Timbalan Ketua Bahagian BERSATU Pagoh apabila tidak ditentang sepiaga bagi jawatan berkenaan.

Bagaimanapun, Pengerusi



Mukhriz Mahathir

BERSATU Johor, Mazlan Bujang pula berdepan saingan tiga penjuror untuk jawatan Ketua Bahagian BERSATU Tebrau.

Mazlan ditentang Timbalan Ketua Bahagian Tebrau, Saiful Ahmad dan Ketua Srikandi Tebrau, Noorlihan Ariffin.

Pengerusi Pemilihan BERSATU Johor, Ahmad Daud, berkata semua 26 bahagian di negeri ini layak mengemuka pencalonan bagi pemilihan yang diadakan buat pertama kalinya.

“Sehingga jam 7 malam ini (tadi), borang pencalonan daripada 16 sudah diterima, manakala borang pencalonan 10 bahagian lagi masih belum diterima memabitkan kawasan Johor Utara, termasuk Pagoh, Ledang, Sekijang, Bakri dan Batu Pahat.

Sementara itu di **Georgetown**, **BERNAMA** melaporkan penerbit filem yang juga ahli perniagaan, Razalif Mohd Zain akan menentang Menteri Belia dan Sukan,



Dr Sahrudin Jamal

Syed Saddiq Syed Abdul Rahman bagi jawatan Ketua Angkatan Bersatu Anak Muda (ARMADA) Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) pada pemilihan parti itu.

Razalif, 30, yang kini Ketua Cawangan ARMADA Seaview Park berkata, beliau berhasrat bertanding jawatan itu bagi memperbaharui barisan ARMADA.

“Satu sebab saya hendak bertanding jawatan Ketua ARMADA Nasional kerana kita mengamalkan prinsip demokrasi dan saya juga ingin memperjuangkan nasib dan masa depan ARMADA,” katanya seperti dilaporkan Bernama selepas menghantar borang pencalonan pemilihan parti itu di sini, semalam.

Sebelum ini, Syed Saddiq yang juga Ahli Parlimen Muar, Johor, mengumumkan akan mempertahankan jawatannya pada pemilihan parti itu nanti.